

 <b>UPM</b> UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA <small>BINTULU SARAWAK CAMPUS</small>	<b>FESTIVAL KESENIAN ISLAM 2025</b> <b>(EDISI KE-3)</b> <b>FORMAT PERTANDINGAN</b> <b>TILAWAH AL-QURAN</b>	
--	---	--

## 1. KATEGORI PERTANDINGAN

- i. Pertandingan ini dibahagikan kepada empat (4) kategori iaitu:
  - a) **Kategori Sekolah Rendah (Lelaki)**
  - b) **Kategori Sekolah Rendah (Perempuan)**
  - c) **Kategori Sekolah Menengah/Institut Pengajian Tinggi/Kolej Vokasional (Lelaki)**
  - d) **Kategori Sekolah Menengah/Institut Pengajian Tinggi/Kolej Vokasional (Perempuan)**

## 2. BILANGAN PESERTA

- i. Bilangan peserta tilawah Al-Quran adalah tidak dihadkan bagi setiap kategori mewakili setiap institusi. **[BAHARU]**
- ii. Sekiranya berlaku keuzuran bagi peserta perempuan boleh diganti dengan peserta simpanan.

## 3. SYARAT-SYARAT PESERTA

- i. Penyertaan terbuka kepada semua murid Islam di sekolah-sekolah rendah di bawah kerajaan/swasta daripada Tahun 1 hingga Tahun 6 (Bagi kategori Sekolah Rendah).
- ii. Penyertaan terbuka kepada semua murid Islam di sekolah-sekolah menengah kerajaan/swasta daripada Peralihan hingga Tingkatan 5 (Bagi kategori Sekolah Menengah) dan Institut Pengajian Tinggi/Kolej Vokasional.
- iii. Yuran penyertaan dikenakan adalah **sebanyak RM15.00 (Ringgit Malaysia Lima Belas Sahaja)** bagi kategori Sekolah Rendah, manakala **RM20.00 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Sahaja)** bagi setiap peserta kategori Sekolah Menengah/Institut Pengajian Tinggi/Kolej Vokasional.

- iv. Setiap peserta perlu membaca satu ayat tilawah seperti undian ayat. Tidak dibenarkan menukar ayat dan markah tidak diambil jika tersalah ayat yang dibaca.

#### **4. AYAT TILAWAH**

- i. Ayat-ayat tilawah Al-Quran mengikut ayat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Penganjur (Bagi Kategori Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah/Institut Pengajian Tinggi/Kolej Vokasional).
- ii. Ayat tilawah Al-Quran berbeza antara peserta lelaki dengan perempuan.
- iii. Peserta dikehendaki membaca mengikut **Riwayah Hafs Tariq Shatibiyyah** sahaja.

#### **5. PENGUNDIAN**

- i. Pengundian giliran dan ayat akan dibuat sehari sebelum hari pertandingan.
- ii. Ayat tilawah yang diletakkan di dalam sampul surat perlu dibuat 2 salinan untuk diberi kepada peserta dan pihak urus setia pertandingan.
- iii. Tidak boleh menukar giliran peserta dan ayat tilawah.

#### **6. MASA**

- i. Masa bagi setiap peserta membaca ayat tilawah ialah 8 minit.
- ii. Bacaan yang melebihi 8 minit tidak akan diberi markah.
- iii. Masa tilawah bermula apabila peserta membaca Ta'awuz.
- iv. Loceng akan dibunyikan sekali pada minit yang ke-6 selepas peserta berhenti membaca (wakaf) untuk menandakan masa hampir tamat dan dibunyikan dua kali untuk menandakan masa tamat.
- v. Peserta yang gagal hadir pada gilirannya setelah 3 kali dipanggil oleh pengacara majlis boleh dibatalkan penyertaannya (tertakluk kepada budi bicara pengadil).

## **7. PAKAIAN PESERTA**

- i. Peserta lelaki hendaklah memakai pakaian kebangsaan yang lengkap bersamping, bersongkok dan berstokin.
- ii. Peserta perempuan hendaklah memakai pakaian yang menutup aurat dengan berbaju kurung, bertudung sempurna dan hiasan yang tidak keterlaluan.
- iii. Semua peserta tidak dibenarkan memakai tanda pengenalan sekolah/zon/daerah/negeri. Hanya ada nombor giliran sahaja pada pakaian peserta.

## **8. PENGHAKIMAN**

Penghakiman akan diadili oleh sebuah panel hakim yang akan dilantik oleh pihak penganjur dan keputusan adalah muktamad. Penghakiman berdasarkan pada aspek-aspek berikut:

- i. Bahagian Tajwid : 35 markah
- ii. Bahagian Taranum : 25 markah
- iii. Bahagian Fasohah : 20 markah
- iv. Bahagian Suara : 20 markah

## **9. HADIAH PERTANDINGAN**

Hadiah pertandingan bagi setiap kategori yang dipertandingkan adalah seperti berikut:

### **JOHAN**

Wang Tunai + Trofi + Sijil Penyertaan.

### **NAIB JOHAN**

Wang Tunai + Trofi + Sijil Penyertaan.

### **KETIGA**

Wang Tunai + Trofi + Sijil Penyertaan.

## **10. LAIN-LAIN KETERANGAN**

- i. Sebarang kemalangan dan/atau kecederaan ke atas peserta semasa pertandingan ini berlangsung adalah atas tanggungjawab peserta dan tidak boleh dituntut daripada pihak penganjur.
- ii. Semua syarat-syarat dan peraturan yang dikeluarkan oleh pihak penganjur adalah wajib dipatuhi oleh setiap peserta.
- iii. Keputusan hakim pertandingan adalah muktamad, sebarang bantahan tidak akan dilayan oleh pihak penganjur pertandingan.
- iv. **Borang Pendaftaran dan Borang Pengesahan Bayaran Yuran (beserta slip transaksi dari bank)** yang telah lengkap hendaklah dihantar kepada **Penyelaras pertandingan** seperti maklumat di bawah selewat-lewatnya pada atau sebelum **27 JUN 2025 (JUMAAT)**.
- v. Sebarang makluman atau pertanyaan berhubung perkara ini boleh hubungi Penyelaras Pertandingan Tilawah Al-Quran:
  - Ust. Isfuany bin Ismail  
(+6013-8191550)/ [isfuany@upm.edu.my](mailto:isfuany@upm.edu.my)
  - Ts. Dr. Muhammad Huzaifah Bin Mohd Roslim  
(+018-4666389)/ [muhammadhuzaifah@upm.edu.my](mailto:muhammadhuzaifah@upm.edu.my)